

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN MUROC 2010
1 JANUARI 2010
DI DEWAN 2020 KANGAR

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh , Salam
Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Dekan-dekan dan ketua-ketua jabatan UniMAP, peserta-
peserta MUROC,

Wakil-wakil media seterusnya hadirin dan hadirat yang
dihormati sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang Hao.

Alhamdulillah, tiada kata yang mampu dilafazkan melainkan syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua, maka akhirnya dapatlah kita bersama-sama memeriahkan perasmian Malaysia Universiti Robot Competition atau ringkasnya MUROC pada hari ini.

Sesungguhnya, penganjuran majlis yang buat julung kalinya dianjurkan ini bagi melengkapkan teras penubuhan UniMAP atau pada asalnya dikenali dengan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) sebagai sebuah universiti kejuruteraan.

Pertandingan ini juga menjadi lebih bermakna apabila mendapat perkenan Canselor UniMAP, **Tuanku Syed Faizuddin Putra Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail** yang begitu meminati bidang teknologi robotik.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah yang tidak terhingga kepada Jawatankuasa MUROC kerana berjaya merealisasikan dan menganjurkan pertandingan robotik ini walaupun berdepan dengan pelbagai dugaan dan cabaran.

Semoga penganjuran pertandingan seumpama ini akan menjadikan bidang teknologi robotik lebih maju ke hadapan sekali gus meletakkan negara setaraf dengan negara-negara maju lainnya.

Hadirin sekalian,

Teknologi robotik sudah lama berkembang di seluruh dunia, terutama di Jepun yang dianggap antara peneraju hingga pelbagai jenis robot dicipta, termasuk membantu manusia melakukan aktiviti harian seperti memasak atau mengemas rumah.

Kejayaan saintis mencipta robot canggih sering dipaparkan oleh media, apatah lagi yang mampu mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh dalam beberapa sektor industri.

Berbanding perkembangan di Malaysia pula, teknologi robotik sebenarnya sudah lama bertapak tetapi masih lagi terkebelakang jika melihat kemajuannya di seluruh dunia.

Teknologi sebegini belum menjadi budaya di negara ini dan aktivitinya hanya setakat membabitkan peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT), itupun lebih bertumpu kepada penyertaan dalam pameran serta beberapa pertandingan.

Biarpun perkembangannya perlahan di Malaysia, namun saya percaya masih ada kelompok pencipta yang berupaya menghasilkan robot dengan pelbagai fungsi dan juga canggih setanding dengan ciptaan luar negara.

Pokok pangkalnya, kita perlulah berusaha dengan gigih serta menghasilkan teknologi-teknologi canggih yang mampu merubah gaya hidup masyarakat di Malaysia sekaligus membantu negara menjana pendapatan yang tinggi jika ianya dikomersialkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Mampukah Malaysia menjadi seperti Britain yang kini boleh bermegah dengan Ikan Robotik yang berjaya dilepaskan di Pelabuhan Gijon yang terletak di utara Sepanyol Mac lalu, sebagai sebahagian projek penyelidikan untuk mengesan pencemaran.

Atau dapatkah kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan Jepun yang boleh berbangga dengan pengenalan robot seperti “Model” yang berkeupayaan berjalan dan bercakap serta mempunyai perwatakan mirip manusia normal serta sut robotic untuk aktiviti pertanian.

Apa pula agaknya yang boleh kita – sebagai rakyat Malaysia hasilkan untuk meletakkan nama negara sebaris dan setanding dengan Britain dan Jepun. Adakah kita perlu terus berpeluk tubuh dan berdiam diri ??

Saya tinggalkan persoalan itu untuk anda sendiri menjawabnya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

MUROC bakal menjanjikan satu pengalaman menarik untuk anda lalui. Bagi saya ia bukanlah pertandingan mencipta robot biasa sebaliknya ia turut mengadunkan aplikasi permainan sebagai satu bentuk hiburan.

Pastinya sesuatu yang menarik apabila dapat melihat aksi robot bertanding di gelanggang Paintball. Bagaimana agaknya robot-robot ini berusaha untuk membawa bendera sambil mengelak serangan lawan.

Selain itu kita juga bakal menyaksikan aksi robot yang bertindak sebagai ahli bomba untuk membantu memadamkan kebakaran serta menyelamatkan mangsa kebakaran.

Serta tidak ketinggalan, menonton ketangkasan robot memanjat tali persis seorang anggota tentera dalam tempoh masa yang diberikan.

Sesungguhnya, saya yakin dan percaya, MUROC bukan sahaja akan mendedahkan kita dengan satu bentuk pengalaman baru, malah turut meningkatkan pengetahuan kita dalam bidang teknologi robotik.

Akhir kata, saya amat mengharapkan pertandingan seumpama ini akan terus dijalankan dari semasa ke semasa memandangkan ia merupakan medium terbaik untuk kita terus maju dan menghadapi persaingan dalam era globalisasi ini.

Dan besarlah harapan saya agar usaha yang baik ini akan terus mendapat kerjasama dari IPTA dan IPTS lainnya di Malaysia. Marilah kita terus mengamalkan prinsip bersatu kita teguh bercerai kita roboh dalam merealisasikan hasrat dan misi Kementerian Pengajian Tinggi untuk melahirkan mahasiswa yang kreatif dan inovatif.

Sekian, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Perasmian MUROC 2010.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.